

## **Sosiologi dalam Drama *Bulan Belum Kelam* Karya Roziah Adama**

*Sociology in Drama *Bulan Belum Kelam* Work by Roziah Adama*

Nurul Marliana Baderol  
<sup>1</sup>Nur Afifah Vanitha Abdullah

Program Persuratan Melayu  
Pusat Kajian Kelestarian Dan Kebitaran Melayu  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: a161199@siswa.ukm.edu.my  
<sup>1</sup>nurafifah@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

*Bulan Belum Kelam* merupakan karya Roziah Adama yang mengisahkan dua wanita warganegara Indonesia yang sanggup melakukan apa sahaja untuk memastikan matlamat dan cita-cita mereka tercapai. Sehubungan itu, dengan menggunakan pendekatan sosiologi yang dipelopori oleh Karl Marx, kajian ini bertujuan menjawab persoalan, apakah isu-isu sosial yang disampaikan oleh penulis dalam drama ini? Kajian jenis fundamental dengan rekabentuk kualitatif digunakan bagi menjawab persoalan tersebut. Manakala analisis kandungan dipilih sebagai instrumen kajian utama untuk memperoleh data daripada skrip drama, artikel, jurnal, internet dan kajian lepas. Kertas kerja ini merakamkan dapatan kajian bahawa penulis mengangkat isu sosial dalam masyarakat seperti, kejujuran dalam masyarakat, kepatuhan isteri kepada suami, kasih sayang, masyarakat yang gemar tunjuk-menunjuk, tolong-menolong, kesyukuran, kahwin awal/kahwin muda, budaya melepak, dan masyarakat yang sanggup melakukan perkara yang dilarang untuk mencapai cita-cita. Manakala isu politik adalah tentang dinamik kuasa antara golongan pemerintah dan diperintah. Sementara itu, isu ekonomi pula menyentuh tentang kedaifan tempat tinggal dan jenis pekerjaan warga pendatang Indonesia di Malaysia.

**Kata Kunci:** *Bulan Belum Kelam*, kritikan drama, Roziah Adama, Pendekatan Sosiologi, penulisan skrip

### **ABSTRACT**

*Bulan Belum Kelam* by Roziah Adama is a drama that focuses on social issues among the Indonesian immigrants in Malaysia. This drama won the national literature award for drama category organized by Dewan Bandaraya dan Pustaka in 2013. This drama is presented through two main characters that play a big role in the drama. The sociological approach by Karl Marx is applied to study the types of social issues presented in Roziah Adama's drama. A fundamental study with a qualitative method is used in this research. Books, magazines, journal articles, internet and past research were the research materials to gather data. From the analysis of the drama *Bulan Belum Kelam* we acknowledge the major issues appeared in the drama were included the issues in society such as, honesty in society, wife obedience to husband, compassion, show off society, helping each others, gratitude, early marriages, looting culture, and people who are willing to do things that are prohibited to achieve their

goals. Political issues are about the dynamics of power between government and governing bodies. In the meantime, economic issues also touch on the poor residence of the immigrants and the type of work of Indonesian immigrants in Malaysia.

**Keywords:** *Bulan Belum Kelam*, drama criticism, Roziah Adama, Sociology Approach, script writing

## 1. Pengenalan

Drama secara umumnya merupakan “cermin budaya” kepada masyarakat yang menghasilkannya. Skrip ialah idea yang berkembang daripada isu dan persoalan atau siri kejadian yang saling berkaitan dan menyumbang. Isu dan siri-siri kejadian ini diadun secara sistematik bersama-sama unsur-unsur seni dan teknikal yang lain bagi memenuhi matlamat satu-satu keperluan yang dicetuskan, dirangka dan diputuskan dari idea (Asiah, 1997). Skrip dianggap sebagai *blue print* atau rangka yang menafsirkan reka bentuk visual dan audio dalam sesuatu persembahan cerita. Skrip drama menjadi panduan kepada seseorang pengarah untuk mengkonsepkan sesebuah persembahan teater. Penulis perlu memahami mesej dan tema skrip yang yang dihasilkannya dan mampu membuat interpretasi terhadap mesej skrip itu dan melahirkannya sebagai teater. Bentuk drama yang dihasilkan itu akan diterima dan dinilai oleh penonton dan pengkritik berdasarkan interpretasi mereka (Kristeva Julia, 1980). Proses ini mudah tetapi proses ini menjadi sukar kerana drama lazimnya amat berkait rapat dengan ruang kehidupan manusia yang merangkumi aspek politik, psikologi, kemasyarakatan, sejarah dan keadaan ekonomi. Hal ini memerlukan penulis skrip untuk bersikap lebih terbuka dan boleh mengubahsuai pendapat mengikut proses seni, manusia dan kehidupan sekitarnya (Jakaria, 2009). Seseorang itu dianggap mundur apabila ia terlalu terikat dengan pendapat-pendapat asalnya walaupun mempunyai pengalaman berbeza.

Drama bermula di dunia Barat iaitu pada zaman Yunani. Drama Yunani Kuno adalah seni teater yang berkembang dengan pesat semasa zaman Yunani klasik. Drama berasal daripada perkataan “*dran*” (Greek) yang bermaksud melakukan atau melakonkan. Drama ialah aksi *mimetic* (peniruan), iaitu aksi yang meniru atau mewakili perlakuan manusia. Dalam erti kata lain, drama merupakan sebuah lakonan yang dilakukan oleh manusia dengan perilaku yang tertentu mengikut watak yang dibawa oleh pelakon (Mana, 2006:3).

Ahli sejarah telah bersetuju bahawa sejarah drama bermula daripada upacara ritual atau upacara keagamaan. Wayang kulit adalah drama Melayu tradisional yang pertama, ia berasal dari Jawa dan mula berkembang pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Cerita wayang kulit berpusatkan kepada Hinduisme yang dipetik daripada kitab Ramayana dan menjadi bentuk hiburan yang terkenal di Tanah Melayu. Drama mula berkembang secara serius pada tahun 1950-an dan diikuti dengan drama-drama yang lain. Drama pertama yang dicetak ialah Megat Terawis pada tahun 1951 (Abdul Rahman, 1994). Drama ini pertama kali dipentaskan di Kelab Perpustakaan Guru-guru Melayu di Ipoh. Drama Sandiwara ini lebih tersusun dengan menggunakan skrip Megat Terawis. Drama Sandiwara ialah drama yang mengandungi moral dan nasihat. Ia berkembang sekitar tahun 1940 an. Pada tahun 1960an, usaha untuk menerbitkan dan mencetak skrip drama dilakukan secara serius sehingga genre drama setanding dengan genre sastera yang lain seterusnya drama-drama lain yang mewarnai seni persembahan pentas di Malaysia (Mana, 2006) dan salah satunya skrip drama *Bulan Belum Kelam* oleh Roziah Adama. *Bulan Belum Kelam* ialah drama yang bergenre serius yang mengangkat isu kemasyarakatan. Skrip drama *Bulan Belum Kelam* telah digarap dengan baik dan kemas oleh penulisnya iaitu Roziah Adama. Roziah Adama merupakan penerima anugerah Sastera Perdana Kategori Drama Eceran 2013 anjuran DBP melalui karyanya *Bulan Belum Kelam*. Roziah Adama atau nama sebenarnya Roziah binti Adama merupakan seorang

penulis berbakat besar yang berasal dari Sabah. Beliau menghasilkan banyak novel, cerpen, majalah, buku dan skrip drama. Antara skrip drama pentas yang telah beliau hasilkan ialah *Lima Bersaudara* (2008), *Arah* (2009), *Sebelum Subuh* (2011), *Preh* (2012), *Sepak* (2012), *Iqra'* (2012) dan *Nyanyian Maut* (2013) (Roziyah Adama, 2018). Skrip drama *Bulan Belum Kelam* merupakan sebuah karya yang Roziyah Adama yang menarik sehingga berjaya merangkul anugerah sastera perdana kategori drama eceran pada tahun 2013. Roziyah Adama banyak menghasilkan karya-karya yang menarik namun berlainan dengan drama *Bulan Belum Kelam*. Penulis skrip drama ini melakukan sedikit kelainan dan pembaharuan apabila beliau telah mengangkat warga asing sebagai watak utama dalam penceritaan drama ini dan berlatarkan tempat kawasan perumahan setinggan. Permasalahannya di sini ialah adakah isu atau permasalahan sosial yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat masih dijadikan sebagai kritikan-kritikan sosial yang ingin dilontarkan oleh penulis itu sendiri. Selain itu, adakah kritikan-kritikan tersebut merupakan sinikal penulis yang ingin ditujukan kepada masyarakat Melayu atau warga asing di negara ini. Oleh itu, kertas kerja ini ingin mengupas kritikan sosial dalam drama *Bulan Belum Kelam* karya Roziyah Adama dengan pengaplikasian pendekatan sosiologi. Kertas kerja ini mengaplikasikan pendekatan sosiologi bagi memperoleh jawapan kepada persoalan, apakah isu-isu sosial yang disampaikan oleh penulis dalam drama ini?. Sehubungan itu, objektif kertas kerja ini adalah menganalisis aspek kritikan sosial dari sudut isu sosial, isu ekonomi dan isu politik dalam drama *Bulan Belum Kelam*.

## 2. Sorotan Literatur

Penelitian lepas tentang drama *Bulan Belum Kelam* masih terhad. Namun begitu, kajian lepas yang mengaplikasikan kajian teori sosiologi bagi karya-karya penulisan Melayu agak memberangsangkan. Terdapat beberapa kajian lepas merangkumi filem, drama, novel dan cerpen yang mengaplikasikan teori sosiologi. Kajian oleh Al-Fatihah dan Normaliza (2014), merupakan kajian yang telah dibukukan sebagai makalah mengenai “Kritikan Sosial Dalam Filem Melayu *Zombi Kampung Pisang*”. Perbincangan adalah bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis kritikan sosial yang terdapat dalam filem *Zombi Kampung Pisang* (2007) arahan Mamat Khalid dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Berdasarkan kaedah kualitatif iaitu dengan cara pengumpulan dan menganalisis data, hasil perbincangan menunjukkan bahawa terdapat kritikan sosial yang dipaparkan dalam filem tersebut seperti gejala rempit dalam kalangan masyarakat, golongan muda yang terlibat dengan gejala vandalisme, kelunturan semangat patriotik dan golongan asing yang menyerang serta menjajah kehidupan masyarakat Melayu.

Penelitian selanjutnya bertajuk “Kritikan Masyarakat dan Mesej dalam Filem-filem Arahan P. Ramlee di Studio Jalan Ampas, Singapura” oleh Putri Lily Suriana (1995). Kajian yang dilakukan bertujuan untuk meneliti unsur-unsur kritikan masyarakat yang dilontarkan oleh Allahyarham Tan Sri P. Ramlee dalam karya filemnya. Pengkaji telah menjurus kepada tiga perspektif utama iaitu perspektif sosial, politik dan ekonomi berlandaskan pendekatan sosiologi sastera. Penelitian yang menggunakan kaedah kualitatif yang merangkumi pemerhatian dan temu bual ini telah mengesahkan bahawa filem-filem arahan P. Ramlee memaparkan realiti sebenar masyarakat di zamannya dan dipengaruhi oleh pengalaman dan latar belakang pengarah. Tambahan lagi, pengkaji merumuskan bahawa karya filem P. Ramlee turut memuatkan kritikan dan mesej yang membina masyarakat selain berfungsi sebagai alat hiburan.

Kajian seterusnya yang bertajuk “Kritikan Sosial, Politik dan Ekonomi dalam karya-karya Kartunis Lat” oleh Razali Kasim (1991). Kajian yang dilakukan bertujuan

melihat kritikan ke atas sistem sosial, politik dan ekonomi yang dipaparkan oleh Lat melalui karyanya iaitu Entahlah Mak (1985), *Lat with a Punch* (1988) dan Mat Som (1990). Kajian ke atas seni lukis kartun ini telah menggunakan pendekatan sosiologi sastera serta kaedah kualitatif yang merangkumi kaedah penyelidikan, temu bual dan kaedah rakaman. Dapatan kajian mengesahkan bahawa ketiga-tiga karya Lat tersebut merupakan karya kritik yang cukup tajam. Ketiga-tiga karya membicarakan tentang masalah sosial, politik dan ekonomi. Dari segi teorinya, Lat pemikiran tentang karya yang mempunyai kebenaran. Tambahan lagi, kepincangan yang berlaku dalam masyarakatnya, pada pandangan Lat adalah perlu diprotes dengan harapan akan mendapat maklum balas daripada semua pihak serta inisiatif untuk memperbaiki segala kepincangan yang berlaku.

Di samping itu, terdapat juga penelitian terhadap kritikan sosial dalam drama oleh Suraidah Othman (2010) yang bertajuk “Kritikan Sosial dalam Drama-drama Mohamed Ghouse Nasurudin”. Penelitian yang dibuat adalah membicarakan tentang kritikan sosial yang dilontarkan oleh Mohamed Ghouse melalui drama-drama beliau yang telah diterbitkan dalam Dewan Sastera antara tahun 1980-an hingga tahun 2006. Kajian telah mengaplikasikan pendekatan dan prinsip sosiologi sastera dan menggunakan kaedah analisis teks dan wawancara. Dalam hal ini, pengkaji menjelaskan bahawa berdasarkan analisis yang telah dibuat didapati drama-drama yang dihasilkan oleh Mohamed Ghouse sememangnya sarat dengan kritikan sosial melalui sindiran tajam terhadap masyarakat terutamanya kepada para pemimpin atau ahli politik. Pergolakan aspek sosial yang ketara dipaparkan oleh pengarang telah merujuk kepada perubahan tingkah laku segelintir masyarakat yang tidak lagi mengikuti sistem sosial yang normal menyebabkan perubahan nilai yang positif kepada negatif. Selain filem, seni lukis kartun dan drama, terdapat juga pengkajian yang menggunakan pendekatan sosiologi ke atas genre sastera yang lain seperti novel dan cerpen. Kajian “Trilogi Busa: Analisis Sosiologi” oleh Sayaidatina Ab. Majid (2004). Perbincangan tersebut adalah bertujuan melihat persoalan kemasyarakatan yang digarap oleh Arena Wati dalam novel-novelnya. Perbincangan telah memfokuskan kepada tiga buah novel iaitu Busa Hati, Busa Sukma dan Busa Kalbu yang telah diterbitkan pada tahun 2002. Analisis berdasarkan perspektif sosiologi menerangkan ketiga-tiga aspek sosiologi iaitu sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Dengan menggunakan kaedah perpustakaan sepenuhnya, hasil perbincangan mendapati bahawa karya tersebut banyak mengemukakan persoalan kemasyarakatan seperti kekeluargaan, pendidikan, perbezaan darjat, politik, etnik, rasuah, kemiskinan dan sebagainya.

Seterusnya, “Novel Tulang-tulang Berserakan dan Tugu: Satu Perbandingan dari Sudut Sosiologi” oleh S. Sivanandam A/L Subramaniam (2000). Kajian tentang dua buah novel dilihat secara perbincangan berlandaskan pendekatan sosiologi dengan kaedah kualitatif yang merangkumi penelitian perpustakaan dan pengolahan data. Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua novel ini mempunyai keunikan kerana menggambarkan latar belakang darurat yang jarang-jarang dibicarakan oleh penulis muda sekarang. Kedua-dua novel tersebut juga sarat dengan gambaran masyarakat yang cukup sinonim dengan penderitaan, perpisahan, cinta yang terputus serta kemiskinan yang tidak mungkin dapat diungkap dengan begitu mudah. Lebih istimewa kerana gambaran kehidupan polis dalam novel Tulang-tulang Berserakan dan tentera dalam novel Tugu membuka ruang untuk masyarakat menyelami kehidupan mereka dengan lebih dekat lagi. Kedua-dua novel tersebut telah memperlihatkan satu rakaman sejarah yang cukup bermakna bagi masyarakat dan generasi akan datang.

Ishamul Bukhari Seman (2015) dengan tajuk kajiannya “Masyarakat Murut dalam Mariga: Analisis Sosiologi”. Penelitian yang dilakukan terhadap novel Mariga karya Amil Jaya yang diterbitkan pada tahun 2013 ini telah mengaplikasikan perspektif sosiologi dan

kajian perpustakaan sepenuhnya untuk mendapatkan dapatan analisis. Tiga aspek utama pengkajian ke atas novel tersebut mencakupi sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Berdasarkan kajian didapati novel Mariga banyak mengangkat persoalan sosio-budaya masyarakat, istiadat perkahwinan, kelahiran dan kematian, adat *nganyau* dan juga upacara minum tuak khususnya dalam menyambut tetamu. Daripada perspektif sosio-politik pula, novel tersebut mengangkat persoalan penjajahan dan semangat nasionalisme, kepimpinan kampung dan pertentangan dalam masyarakat. Dari sudut sosio-ekonomi pula karya memperlihatkan sistem ekonomi masyarakat Murut seperti bertani dan memburu binatang, juga dikemukakan sistem perniagaan yang dibawa oleh Barat. Keseluruhannya, novel Mariga mengolah kehidupan masyarakat Murut di Sabah khususnya semasa penjajahan Inggeris.

Perbincangan seterusnya adalah terhadap cerpen. “Kumpulan Cerpen Jalan Lain ke Syurga Karya Hasan Ali: *Satu Analisis Sosiologi*” telah dilaksanakan oleh Noor Adila Jafar (2007). Perbincangan yang dibuat bertujuan melihat dan memahami keadaan sebenar sesebuah masyarakat pada dekad 50-an hingga dekad 80-an dan persekitarannya. Di samping itu, perbincangan ini juga untuk mengetahui nilai hidup, sikap dan tingkah laku masyarakat yang digambarkan oleh Hasan Ali. Bagi mencapai tujuan tersebut kaedah kajian yang digunakan ialah analisis isi dengan menggunakan pendekatan sosiologi. Sebanyak sembilan belas buah cerpen telah dianalisis yang terkandung dalam kumpulan cerpen tersebut. Hasil kajian mendapati pelbagai isu masyarakat telah diangkat pengarang seperti isu kemiskinan, perpaduan kaum, nasionalisme, kemaksiatan yang merupakan gambaran masyarakat yang tidak pernah selesai sejak dahulu hingga sekarang.

Kajian “Pengarang, Karya dan Realiti Masyarakat: Satu Analisis terhadap Cerpen-cerpen Siow Siew Sing” oleh Sim Choy Ming (1995) merupakan satu penelitian yang berujuan untuk melihat ketokohan dan kepengarangan seorang penulis keturunan Cina dalam menghasilkan karya cerpen dalam bidang kesusasteraan Melayu. Bagi mendapatkan analisis, kaedah kualitatif yang merangkumi pengumpulan dan menganalisis data telah dilakukan serta menggunakan pendekatan sosiologi. Hasil dapatan penelitian menunjukkan bahawa dalam cerpen-cerpen nukilan Siow Siew Sing mencerminkan realiti masyarakat yang sebenar. Persoalan-persoalan yang dikemukakan adalah berdasarkan keadaan realiti nyata terutamanya penyentuhan tentang sosiobudaya masyarakat Cina. Di samping itu, pengalaman pengarang yang pelbagai dari luar negeri juga telah digambarkan dengan jelas dalam cerpen-cerpen beliau.

Perbincangan terhadap genre cerpen diteruskan oleh Yuslaih Yunus (2000) yang bertajuk “Kumpulan Cerpen Hati Muda Bulan Muda (1954-1992) Karya A. Samad Said: Analisis Sosiologi”. Kajian tersebut bertujuan untuk membincangkan mengenai keterampilan A. Samad Said sebagai pengarang cerpen Melayu yang sukar ditandingi. Perbincangan ini berlandaskan perspektif sosiologi dengan menggunakan kaedah perpustakaan sepenuhnya. Dapatan analisis perbincangan menunjukkan bahawa pengaplikasian ketiga-tiga aspek dalam pendekatan sosiologi itu memperlihatkan adanya hubungan erat antara sastera dan masyarakat. Di samping itu, realiti masyarakat dahulu yang diingkari oleh pelbagai status, kaum dan zaman juga turut tersingkap. Karya-karya A. Samad Said dapat digolongkan sebagai menggambarkan masyarakat Singapura kerana latar belakang dirinya banyak mempengaruhi penghasilan karya-karya beliau. Kajian yang telah dilakukan lebih cenderung ke arah genre novel dan cerpen berbanding genre drama Melayu khususnya penulisan skrip drama. Memandangkan terdapat kelompangan dalam bidang ini, maka kertas kerja ini cuba untuk mengisi ruang tersebut dengan meneliti skrip drama Melayu dari sudut fungsinya dalam penyerapan aspek kritikan sosial yang digarap oleh penulis berlandaskan pendekatan sosiologi.

Menurut Max Weber (1947) dalam bukunya *Theory of Social and Economic Organisation* sastra sebagai cermin masyarakat cermin; adalah ungkapan keramat bagi pendekatan sosiologi; bahawa sastra itu menjadi cerminan masyarakat budaya dan cerminan sejarah. Inilah juga yang menjadi konsep pertama sosiologi ini. Ia juga menegaskan *literature engangee* tentang hubungan sastra dan masyarakat, dengan kodanya yang pertama bahawa sastra itu sebagai cermin nilai budaya bangsa masih dianuti dan diyakini. Pengarang yang menghasilkannya adalah salah satu komuniti masyarakat. Yang bertindak mewakili masyarakatnya dan bercakap hasil daripada pengalaman dan peristiwa yang konfect dengannya. Karyanya akan menggambarkan suasana, situasi, nilai dan norma zamannya. Tanpa disedari atau secara sedar, pengarang akan merakamkan pandangan hidup masyarakatnya. Maka, terpancarlah pelukisan dan fahaman masyarakatnya daripada pelbagai sudut, termasuklah nilai budaya, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Oleh itu, sosiologi teori berpendapat bahawa karya sastra adalah sebagai dokumentasi sosial.

Menurut teori ini pengarang adalah sebagai wakil masyarakatnya, yang mencatat, menulis dan menginterpretasikan. Segala perakaman dan peristiwa yang digambarkan dalam karya sastra dapat dijadikan asas untuk memahami situasi masyarakat pada suatu masa tertentu. Di dalam karya terakam segala kejadian dan perkembangannya yang melukiskan kehidupan manusia. Kajian juga menumpukan terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dalam masyarakat seperti yang digambarkan pengarang. Di peringkat awal misalnya masyarakatnya adalah pertanian, tetapi akibat daripada kemajuan ilmu pengetahuan, berlaku perubahan menjadi masyarakat pertengahan.

Menurut Paulus Wirutomo dalam buku *Pokok-pokok Pemikiran dalam Sosiologi* David Berry (1982) menyatakan bahawa sosiologi juga merupakan “keteraturan moral kehidupan sosial” yang merupakan konsep-konsep dasar dari suatu keteraturan sosial, yakni moral, nilai peraturan dan sebagainya. Penulis menampilkan keterampilan penulis dalam membahas suatu masalah sosiologi dengan mempergunakan pelbagai perspektif sekali gus membahas norma misalnya, penulis mulai dari usaha menggambarkan dari sudut perspektif masyarakat iaitu norma sebagai sesuatu hasil interaksi masyarakat yang berada di luar individu dan memiliki kekuatan mengatur perilaku individu. Masyarakat dilihat sebagai kekuatan impersonal, yang mempengaruhi dan juga menentukan tingkah laku anggota-anggotanya. Pandangan seperti ini sama dengan suatu wawasan sosiologi yang terutama dipelopori oleh seorang ahli sosiologi klasik di Perancis, Emile Durkheim. Bagi Durkheim, masyarakat merupakan suatu kenyataan yang objektif secara mandiri, bebas dari individu-individu yang merupakan anggota-anggotanya. Kajian ini berkaitan dengan ilmu sosiologi yang ingin dikaitkan dan dikaji dalam karya Roziah Adama untuk memahami pengisian pada teks. Namun kajian lepas ini tidak menumpukan pada satu-satu karya yang dikaji. Menurut Hassan Ahmad (1981) drama dalam erti kata persuratkhabarannya ialah satu deretan kejadian yang menarik perhatian, manakala mengikut pengertian sasteranya ialah satu lukisan atau gambaran hidup manusia yang dipertunjukkan di atas. Berdasarkan pengertian tersebut, skrip drama boleh merujuk kepada bahan bertulis yang mengandungi cerita tentang sesuatu kejadian atau kehidupan yang dilakonkan untuk pertunjukan pentas. Yang dimaksudkan skrip drama dalam kajian ini ialah skrip drama Melayu terpilih hasil tulisan Kala Dewata dan Usman Awang. Kebanyakan skrip yang dihasilkan oleh Kala Dewata dan Usman Awang seperti “*Dua Tiga Kucing Berlari*”, “*Di Balik Tabir Harapan*”, “*Atap Genting Atap Rumbia*”, “*Degup Jantung*”, “*Gendang Kosong*” dan “*Serunai Malam*” telah dipentaskan dari skrip drama.

Menurut Ungku Maimunah Mohd Tahir (2006), melalui tesis PhD beliau, *Sosiologi: Pemahaman dan Penerapan Kesusasteraan* menyatakan konsep sosiologi sastra terbahagi kepada tiga bentuk pemahaman dan penerapan. Pemahaman pertama bertolak daripada

andaian bahawa teks sastera bebas daripada tuntutan dan pengaruh persekitaran. Pemahaman kedua menghujahkan bahawa persekitaran mempunyai kaitan yang penting dengan karya yang terhasil. Justeru itu, kajian ini menganalisis dinamik antara teks konteksnya dan bagaimana konteks tersebut mempengaruhi karya yang terhasil daripada segi isi dan bentuknya. Pemahaman ketiga, juga meyakini eratnya jalinan antara persekitaran dan karya, lebih menjurus kepada penggunaan sesuatu paradigma tertentu untuk mengkaji sesuatu permasalahan yang dibangkitkan dalam teks sastera. Secara bandingan, pemahaman pertama adalah jauh lebih dominan dan merupakan ilmu tentang sosiologi sastera yang dianuti dan diamalkan dalam sastera Melayu. Secara umumnya, tesis membincangkan tentang tiga konsep pemahaman dan penerapan sastera yang mana setiap satu konsep dan pendekatan yang dikemukakan mempengaruhi karya yang telah dihasilkan. Kajian ini menggunakan teori sosiologi sebagai asas kajian sastera beliau. Isu yang diangkat di dalam kajian ini ialah tentang hubungan alam dan manusia yang menyumbang kepada penghasilan karya yang bermutu dan berkualiti serta maksud tersirat yang mendalam.

Juliana Abdul Wahab dan Mahyudin Ahmad (2009) melalui kajian tesis mereka *Industri Filem dan Sosiologi Masyarakat* di Malaysia mengkaji kebanyakan filem beroperasi dalam industri kapitalis yang ada matlamat untuk kaut untung. Pada masa yang sama kajian ini turut mengaitkan industri filem dengan sosiologi masyarakat dari segi ekonomi. Dalam kajian ini dapat dilihat masalah kajiannya ialah bagaimana filem dapat membantu ekonomi masyarakat setempat dan juga tujuan filem atau karya itu dicipta. Dapatan kajian yang diperoleh mendapati bahawa taraf sosial masyarakat dari segi ekonomi dapat ditingkatkan melalui pembikinan filem kerana dengan adanya filem-filem yang di hasilkan maka peluang pekerjaan akan terbuka luas dan para pengkarya filem dapat menghasilkan filem yang lebih banyak dan berkualiti dari masa ke semasa. Secara umumnya, kajian tesis ini mengkaji industri filem dan sumbangannya dalam bidang ekonomi. Dapat diteliti bahawa kajian ini hanya memfokuskan kepada ekonomi sahaja sekali gus tidak meliputi keseluruhan bidang kajian sosiologi sastera yang merangkumi aspek sosial, politik dan ekonomi. Kesimpulannya, kekurangan dan kelebihan yang terdapat pada tesis ini membantu pengkaji seterusnya untuk mengenal pasti permasalahan kajian dan melakukan kajian yang lebih baik pada masa akan datang.

Ida Nadira (2017) melalui tesis sarjana muda bertajuk *Filem 29 Februari: Satu Kajian Teori Sosiologi Sastera* mengkaji nilai-nilai sosial yang terdapat dalam filem 29 Februari yang banyak memaparkan kisah percintaan dan pengorbanan untuk membebaskan tanah air dari penjajahan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai-nilai sosial yang terdapat dalam sesebuah masyarakat dipengaruhi oleh gender, latar pendidikan dan juga dasar kepercayaan yang dianuti oleh masyarakat itu untuk diterima di samping ada faktor lain juga. Secara umumnya, kajian ini menumpukan nilai sosial berdasarkan teori sosiologi sastera dalam kajiannya. Kesimpulannya, berdasarkan kajian Ida Nadira, berdasarkan teori sosiologi, nilai sosial turut dikaji bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi nilai sesebuah masyarakat itu.

Syahrizal Akbar, Retno Winarni dan Andayani (2013) melalui tesis pasca sarjana yang bertajuk *Kajian Sosiologi Sastera dan Nilai Pendidikan dalam Novel Tuan Guru Karya Salman Faris* mengkaji tentang kehidupan religius dan sosial budaya masyarakat Lombok Timur berdasarkan novel Tuan Guru karya Salman Faris. Novel tersebut diulas menggunakan kajian sosiologi sastera. Penelitian ini bertujuan untuk mendeskripsikan dan menjelaskan pandangan dunia pengarang mengenai eksistensi Tuan Guru, latar belakang, sosial budaya masyarakat dan nilai-nilai pendidikan yang terkandung dalam novel Tuan Guru karya Salman Faris. Kesimpulannya, berdasarkan kajian pasca sarjana ini, menunjukkan perkaitan antara teori sosiologi dan nilai pendidikan dalam sesebuah masyarakat.

Manakala menurut Putri Rahmawati (2014) menerusi artikel yang bertajuk *Teori Sosiologi Sastera* mengatakan bahawa sebuah karya sastera dapat dipandang sebagai potret kehidupan manusia. Di dalamnya, penulis mengetengahkan model kehidupan para tokoh dan kondisi sosial yang antara lain mencakup struktur sosial, hubungan sosial, pertentangan sosial, hubungan kekeluargaan, dominasi kelompok yang kuat terhadap yang lemah dan sisi-sisi kehidupan sosial lainnya seperti layaknya kehidupan nyata. Dengan demikian, menghayati dan memahami karya sastera sama halnya dengan menghayati dan memahami manusia dan kehidupannya dalam segala segi yang pada hakikatnya dapat dikaji oleh disiplin-disiplin ilmu yang berhubungan dengan manusia. Salah satu disiplin ilmu yang dapat mengkaji karya sastera dalam kaitannya dengan kehidupan sosial adalah sosiologi sastera. Sosiologi sastera merupakan kajian sastera dalam kaitannya dengan masyarakat. Sosiologi sastera bererti mengkaji karya sastera dengan cara menghubungkannya dengan aspek-aspek sosial yang ada dalam kehidupan masyarakat. Ali Shahab (2011) berdasarkan kajian tesis beliau *Biofilia dan Nekrofilia: Analisis Sosiologi Sastra Novel La BÊTE HUMAINE Karya Emile Zola* secara umumnya membincangkan analisis strukturalisme genetik yang disarankan oleh Lucien Goldmann, menunjukkan bahawa Emile Zola sebagai penganut naturalisme, melalui perantaraan karyanya *La Bête Humaine*, telah berhasil mengemukakan sebuah pandangan dunia yang khas. Dalam kariernya sebagai seorang penulis yang terlibat penuh dalam kehidupan sosial dan politik pada masanya, Zola telah dengan tegas menunjukkan pandangan dunia yang berbeza dengan penguasa pada waktu itu. Keterlibatannya dalam bidang politik, serta berpihak kepada yang lemah, dan menjadi korban dari suatu sistem kapitalisme yang tidak adil, serta komitmennya kepada kebenaran yang dia percaya, telah menghasilkan perubahan di bidang sosial dan politik. Hal ini terbukti dengan pengakuan hak-hak sosial pekerja dan pelepasan Alfred Dreyfus dari penjara. Namun, semua itu harus ia tebus dengan nyawanya. Zola meninggal kerana dibunuh oleh lawan-lawan politiknya. Tesis ini secara keseluruhannya banyak membincangkan sosiologi sastera dari aspek politik dan ekonomi dalam karya novel yang dipilih sebagai bahan kajian.

Menurut Halis Azhan Mohd Hanafiah (2014) menerusi tesis PhD beliau *Dinamika Tema dalam Novel Remaja di Malaysia* mengatakan bahawa berdasarkan sosiologi sastera, sesebuah novel remaja dapat diteliti sebagai sebuah dokumen sosial dan novelisnya pula dapat dilihat sebagai sumber makna. Kajian ini juga menggembungkan beberapa alat penceritaan seperti watak dan perwatakan, plot, konflik, gaya bahasa dan sebagainya untuk menghuraikan tema dalam novel-novel remaja Malaysia yang dipilih. Berdasarkan sosiologi sastera, tema yang terdapat dalam kebanyakan novel remaja di Malaysia sangat berkait rapat dengan masyarakat dan persekitarannya. Kesimpulannya, sosiologi dan masyarakat merupakan suatu komponen yang tidak dapat dipisahkan dalam pembinaan suatu karya.

M. Wahid Nur Tualeka (2017) berdasarkan artikel beliau *Teori Konflik Sosiologi Klasik dan Moden* menyatakan bahawa konflik sosial merupakan fenomena sosial yang menarik dikaji dan diteliti. Hal ini memunculkan berbagai teori konflik. Banyaknya teori konflik memerlukan pemetaan untuk memudahkan kita dalam mengenal dan memahami berbagai teori konflik yang ada. Secara sederhana dapat dikelompokkan ke dalam 2 hal iaitu klasik dan moden. Tokoh-tokoh teori konflik sosiologi klasik adalah sebagai berikut Polybus, Ibnu Khaldun, Nicolo Machiavelli, Jean Bodin, Thomas Hobbes. Adapun tokoh sosiologi moden yang mengemukakan tentang teori konflik adalah Karl Marx, Lewis A. Coser, Ralf Dahrendorf. Teori konflik klasik cenderung memandang konflik ditinjau dari segi sifat alami manusia yang cenderung saling memusuhi dan saling menguasai terutama dalam hal kekuasaan. Adapun teori konflik modern lebih bersifat kompleks dan muncul sebagai kritikan atas teori fungsionalisme struktural.



### 3. Metodologi

Kertas kerja ini berbentuk fundamental iaitu dengan cara pengumpulan data dan menganalisis kandungan data tersebut. Oleh hal sedemikian, kaedah kajian kepustakaan turut dilaksanakan iaitu melibatkan proses pengumpulan sumber atau bahan rujukan primer dan juga sekunder. Penelitian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan temubual dengan Roziah Adama melalui emel dengan menerapkan kajian kualitatif. Kajian perpustakaan ini terdiri daripada mencari, memilih dan membaca bahan-bahan yang berkaitan dengan topik kajian khususnya berkenaan teori dan juga skrip *Bulan Belum Kelam*. Bahan-bahan ini termasuklah buku, jurnal, artikel, majalah dan lain-lain lagi. Penelitian yang rinci dilakukan pada setiap bahan bagi memastikan kajian yang dijalankan memperoleh dapatan yang tepat seterusnya berjaya memberikan sumbangan kepada perkembangan ilmu kesusasteraan tanah air.

Selain itu, kajian ilmiah yang dihasilkan oleh pengkaji terdahulu turut ditelaah bagi mendapatkan maklumat berhubung tajuk kajian. Kajian ilmiah yang diberikan fokus ialah kajian yang berkaitan dengan teori sosiologi berkaitan skrip, drama, filem dan lain-lain lagi. Selain mendapatkan maklumat dan bahan-bahan yang berkaitan, tujuan penelitian ini adalah untuk memastikan kajian ini adalah bersifat baru, asli dan belum pernah dibincangkan tajuk tajuk yang seumpamanya oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

Kesemua bahan-bahan bacaan yang digunakan dalam kajian ini diperolehi di Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) dan juga laman sesawang.

### 4. Dapatan

Bab ini membincangkan tentang isu sosiologi dalam skrip drama *Bulan Belum Kelam* karya Roziah Adama. Isu sosiologi yang akan dibincangkan dalam bab ini akan menerangkan tentang beberapa aspek. Antara aspek yang akan dibincangkan merangkumi aspek sosial, politik dan ekonomi. Isu-isu sosiologi yang akan dibincangkan adalah isu-isu yang diperoleh dari skrip drama *Bulan Belum Kelam*.

#### 4.1 Isu Sosial

Kajian ini mendekati isu sosial yang digunakan oleh Roziah Adama dalam membentuk karya skrip drama *Bulan Belum Kelam*. Isu sosiologi yang dikaji dalam aspek isu sosial adalah kejujuran dalam masyarakat, kepatuhan isteri terhadap arahan suami, kasih sayang, masyarakat yang gemar tunjuk-menunjuk, tolong-menolong, kesyukuran, kahwin awal/kahwin muda, budaya melepak, dan masyarakat yang sanggup melakukan perkara yang dilarang untuk memenuhi kehendak.

##### 4.1.1 Kejujuran dalam Masyarakat

Kejujuran merupakan aspek sifat moral yang membayangkan sifat-sifat positif dan kebajikan seperti integriti, kebenaran, keadilan, termasuk kejujuran tingkah laku, bersama dengan ketiadaan berbohong, penipuan, pencurian, dan sebagainya. Kejujuran juga melibatkan kepercayaan, kesetiaan, adil, dan ikhlas. Kejujuran dihargai dalam banyak budaya etnik dan agama (Schluter, Dolph Price & Trevor, 1993.)

Di dalam skrip drama *Bulan Belum Kelam* karya Roziah Adama dapat diteliti isu kejujuran dalam masyarakat yang cuba diketengahkan dalam karya ini. Terdapat babak di mana Mira berasa berbelah bahagi dan menyatakan kepada Ti bahawa suaminya tidak akan bersetuju untuk berpindah kerana sudah sebatikan dengan setinggan itu. Ti menjadi marah dan berusaha meyakinkan Mira untuk berpindah agar dia dan Mira boleh bekerja bersama-sama

malah dia juga menayangkan wang sebanyak RM300 kepada Mira sebagai usaha untuk memastikan Mira dapat mengikuti permintaannya untuk bekerja bersama Ti. Mira yang sudah lama mengidam untuk memperoleh wang sendiri untuk membantu keluarganya di kampung berasa teruja dan bertanya kepada Ti sama ada Ti mempunyai cara untuknya lepas dari kongkongan Bang Jali. Ti memberitahu agar Mira membunuh Bang Jali kerana hanya dengan cara itu sahaja Mira boleh bebas dari sangkar emas ciptaan Bang Jali. Mira terkejut dan menolak cadangan Ti kerana menurut Mira ketaatannya pada suaminya melebihi segalanya. Dapat dilihat bahawa Mira seorang yang jujur dalam memberitahu Ti mengenai suaminya yang pasti tidak bersetuju dengan cadangan yang seakan-akan memaksa Mira untuk mematuhi arahnya. Kejujuran Mira telah menimbulkan kemarahan Ti dan mengakibatkan Ti memberi cadangan tidak masuk akal kepada Mira untuk mencapai matlamatnya. Hal ini dibuktikan melalui dialog berikut:

*Mira: Entahlah kak, Bang Jali tak suka. dia tak nak tinggal di tempat tinggi macam tu (mengambil sebatang bunga plastik di atas meja dan memasukkan ke dalam botol)*

(Roziyah Adama, 2013)

Kejujuran sangat penting dalam masyarakat. Hal ini kerana tanpa kejujuran, pasti sesebuah masyarakat atau komuniti itu mundur dan dipenuhi dengan masalah jenayah. Kejujuran yang ditunjukkan oleh Mira dalam skrip drama *Bulan Belum Kelam* perlu dicontohi oleh setiap anggota masyarakat agar sesebuah komuniti atau masyarakat itu mampu hidup dalam keadaan aman, harmoni, bahagia dan terus maju ke hadapan.

#### **4.1.2 Kepatuhan Isteri terhadap Suami**

Skrip drama *Bulan Belum Kelam* turut memaparkan isu sosial yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia iaitu isu kepatuhan isteri terhadap suami. Seperti yang diketahui, menurut Islam, sekiranya seseorang wanita itu telah mendirikan rumah tangga maka hendaklah dia patuh akan arahan suaminya dan janganlah seseorang wanita itu melakukan perkara yang tidak disukai oleh suaminya. Hal ini ada dinyatakan dalam hadis iaitu:

*“Jika seorang isteri melakukan solat lima waktu, puasa di bulan ramadhan, memelihara kemaluannya dan mentaati suaminya, nescaya dia akan memasuki syurga Tuhannya,”*

Demikian hadis nabi Shalallahu ‘Alaihi Wasallam (ﷺ) yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad. Dalam hadis lain juga disebutkan, “Jika aku boleh menyuruh seseorang untuk sujud kepada orang lain, tentu aku akan menyuruh seorang isteri untuk sujud kepada suaminya.” (HR. Ahmad, At-Tirmidzi dan Ibnu Majah). Dapat dilihat bahawa ketaatan atau kepatuhan amat penting dalam Islam (<https://almanhaj.or.id/2080-ketaatan-isteri-kepada-suaminya.html>).

Berdasarkan skrip drama *Bulan Belum Kelam*, dapat dilihat bahawa Mira seorang yang patuh kepada suaminya apabila Mira mengikut semua arahan suaminya yang tidak membenarkannya keluar rumah untuk bekerja mahupun bercampur dengan orang luar kerana Bang Jali yang merupakan suami Mira bimbang akan keselamatan Mira kerana Mira merupakan seorang wanita muda yang cantik. Sikap Mira yang patuh akan arahan suami wajar dicontohi oleh setiap lapisan masyarakat agar kehidupan dalam sesebuah rumahtangga itu kekal harmoni dan dapat bertahan dalam jangka masa panjang. Sikap patuh kepada suami wajib ada pada setiap golongan masyarakat yang telah berkahwin agar statistik perceraian dapat dikurangkan sekali gus membantu mengurangkan masalah kekeluargaan yang sering melanda masyarakat pada zaman sekarang khususnya di Malaysia.

#### 4.1.3 *Kasih Sayang*

Kasih sayang merupakan perasaan yang sejak azali wujud dalam setiap diri individu. kasih sayang boleh dimaksudkan sebagai perkaitan antara kasih dan sayang kerana sayang wujud dengan lebih nyata apabila kita cinta akan seseorang itu (Drs Supartono Widyosiswoyo, 1987). Kasih sayang bukan hanya wujud kepada aspek berlainan jantina tetapi juga kasih sayang ini meluas meliputi kasih sayang kepada pencipta keluarga, sahabat, binatang, alam sekitar dan lain-lain.

Skrip drama *Bulan Belum Kelam* merupakan skrip drama yang banyak memaparkan tentang kasih sayang. Hal ini dapat dilihat menerusi sikap Ti yang begitu mengambil berat tentang keselamatan Mira. Hal ini dapat dibuktikan menerusi dialog berikut:

*'Ti (Membetulan selendang): Kenapa tak kunci pintu? Lupa?  
Abang Karim tu demam tapi ada hati melepak di warung Pak  
Karimon menengok bola. Entahlah, tak faham kak. '*

(RoZIAH Adama, 2013)

Dialog tersebut menunjukkan kasih sayang Ti terhadap Mira yang dianggap sebagai adiknya sendiri. Ti melahirkan kerisauannya terhadap sikap pelupa Mira yang tidak mengunci pintu rumahnya kerana bimbang akan keselamatan Mira. Selain itu, dalam dialog di atas juga terdapat unsur kasih sayang di mana Ti yang menunjukkan sikap risau dan prihatin terhadap suaminya Karim yang melepak di warung Pak Karimon walaupun dalam keadaan tidak sihat. Kasih sayang dan sikap prihatin terhadap pasangan dan sahabat yang ditunjukkan dalam skrip drama ini mencerminkan masyarakat yang harmoni dan dipenuhi dengan kasih sayang.

#### 4.1.4 *Masyarakat yang Gemar Tunjuk-Menunjuk*

Sikap gemar tunjuk-menunjuk atau mempamer memang sebatu dalam masyarakat Melayu. Sikap tunjuk-menunjuk atau mempamer ini sering berlaku dalam masyarakat Melayu khususnya kerana sikap bangga dengan apa yang dimiliki. Sikap ini tidak wajar ada dalam diri masyarakat Melayu kerana ianya boleh menyebabkan riak. Sikap gemar tunjuk-menunjuk ini digambarkan menerusi watak Ti seperti dalam dialog berikut:

*Ti: Eleh, zaman ni jangan nak setia-setia sangat, tengok ni  
(menunjukkan emas di tangan). Bang Karim belikan kak, dalam  
beg kak ni (menunjuk beg sandang) duit Bang Karim, kak yang  
pegang. Kata orang kita mesti bijak cari peluang, di  
mana-mana saja kita hidup dan dengan siapa kita hidup! Inilah  
perjuangan!*

(RoZIAH Adama, 2013)

Dialog tersebut menunjukkan sikap Ti yang gemar menunjuk-nunjuk apa yang dimilikinya kepada Mira walaupun dia tahu Mira tidak mampu memiliki apa yang dimilikinya. Sikap yang dimiliki oleh Ti ini amatlah tidak wajar dicontohi oleh anggota masyarakat kerana ianya boleh menimbulkan sifat iri hati, riak, bangga diri dan sombong. Selain itu, sikap gemar tunjuk-menunjuk ini menyebabkan peningkatan perbuatan jenayah yang boleh menyebabkan sesuatu komuniti atau masyarakat itu mundur dan mengundang persepsi buruk masyarakat lain. Teori sosiologi berfungsi sebagai cerminan masyarakat. Apabila sosial sesebuah masyarakat itu buruk maka negatif cerminan masyarakat itu.

Justeru itu, karya sastera dianggap sebagai cerminan masyarakat kerana karyanya akan menggambarkan suasana, situasi, nilai dan norma zamannya. Maka terpancarlah pelukisan dan fahaman masyarakat dari pelbagai sudut termasuklah nilai budaya, politik, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Berdasarkan hal inilah teori sosiologi berpendapat bahawa karya sastera sebagai dokumentasi sosial.

#### 4.1.5 *Tolong-menolong*

Menolong dapat didefinisikan sebagai perbuatan yang dilakukan dengan tujuan untuk meringankan beban seseorang dan memudahkan urusan (<http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=TOLONG+-MENOLONG>). Perbuatan tolong-menolong merupakan amalan mulia yang perlu ada dalam diri setiap masyarakat tanpa mengira umur, bangsa, budaya dan agama. Malah dalam setiap ajaran agama juga ada diajarkan untuk saling bantu-membantu sesama manusia agar hidup sentiasa harmoni dan menyemai suasana harmoni dalam masyarakat. Sikap saling tolong menolong ini dapat dilihat dalam skrip drama *Bulan Belum Kelam* menerusi watak Ti yang memberi cadangan kepada Mira dan membantu Mira untuk membunuh suaminya Bang Jali supaya Mira dapat hidup bebas dari kongkongan Bang Jali dan mampu membantu ibu ayahnya di kampung. Sikap yang dimiliki oleh Ti ini patut dicontohi oleh setiap anggota masyarakat. Selain itu, sikap tolong menolong juga dapat dilihat menerusi watak Karim iaitu suami kepada Ti yang membantu memulangkan dompet Bang Jali yang tercicir di tengah jalan sewaktu mereka sedang melepak di warung Pak Karimon. Hal ini dapat dilihat menerusi dialog berikut:

*Karim: Eer Bang Jali, tadi pulang dari warung saya terjumpa  
dompet Bang Jali terjatuh di jalanan. Mujur saya yang jumpa.*

(Roziyah Adama, 2013)

Sikap yang dimiliki oleh Ti dan Karim ini menunjukkan cerminan masyarakat yang gemar tolong-menolong. Masyarakat pada zaman sekarang apabila terjumpa sesuatu yang bukan milik mereka pasti sesuatu itu menjadi milik mereka lebih-lebih lagi apabila barang yang dijumpai itu mempunyai nilai. Selain itu, juga tidak ramai sahabat yang mahu membantu antara satu sama lain dengan ikhlas tanpa mengharapkan sesuatu daripada pertolongan yang diberi itu. Roziyah Adama menggambarkan sikap tolong-menolong melalui watak Karim dan Ti sebagai cerminan masyarakat yang positif dan patut dicontohi dan watak-watak ini digarap dengan baik oleh Roziyah Adama agar ianya dapat memberi impak positif kepada pembaca.

#### 4.1.6 *Masyarakat yang Bersyukur*

Kata syukur diambil dari kata syakara, syukuran, wa syukuran, dan wa syukuran yang bermaksud berterima kasih kepada Allah. Syukur berasal dari kata syukuran yang berarti mengingat akan segala nikmat-Nya. Menurut bahasa adalah suatu sifat yang penuh kebaikan dan rasa menghormati serta mengagungkan atas segala nikmat-Nya, baik diekspresikan dengan lisan, dimantapkan dengan hati mahupun dilaksanakan melalui perbuatan (<https://www.berbagaireviews.com/2017/12/syukur-pengertia-syukur-menurut-bahasa.html>)

Untuk itu seorang mukmin, dituntut mensyukuri nikmat-nikmat Allah SWT. Sebagai seorang yang beragama Islam kita harus sedar bahawa nikmat tersebut adalah pemberian dari yang Maha Kuasa, dipergunakan dalam rangka ketaatan kepada Allah S.W.T dan tidak menyebabkan mereka sombong dan lupa kepada yang memberikan nikmat tersebut. Dan barang siapa yang mensyukuri nikmat-Nya, maka Allah pun akan membalasnya. Sebagaimana firman Allah Swt: “Dan ketika Tuhanmu memaklumkan: ‘Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih” (Al-Quran Surah Ibrahim: 7).

Di dalam skrip *Bulan Belum Kelam* dapat dilihat bahawa masyarakat yang bersyukur ditunjukkan oleh watak Mira yang bersyukur kerana dapat berkahwin dengan Bang Jali dan tinggal di Kampung Bulan Kelam walaupun tidak menjalani kehidupan mewah seperti Ti. Hal ini dapat dilihat dalam dialog seperti berikut:

*Mira: Kak lain, Mira reda kak. Mira taknak apa-apa daripada  
Bang Jali, dapat kahwin dengan Bang Jali dan dapat tinggal di*

*Kampung Bulan Kelam ni, Mira dah bersyukur. Tak merempat dan lari ke sana sini (mengambil botol sambil membawa ke dalam bilik).*

(RoZIAH Adama, 2013)

Daripada dialog di atas jelas menunjukkan bahawa Mira merupakan seorang yang pandai bersyukur dengan nikmat yang telah Allah berikan padanya. Sikap yang dimiliki oleh Mira ini berbeza dengan Ti yang tidak tahu bersyukur dan gemar menunjuk-nunjuk kemewahan yang dimiliki. Sikap Mira ini wajar dicontohi dan patut ada dalam diri setiap anggota masyarakat agar taraf sosial masyarakat meningkat dan menjadikan sesebuah masyarakat itu maju.

#### **4.1.7 Kahwin Awal/ Kahwin Muda**

Dewasa kini, perkahwinan di usia muda menimbulkan pelbagai reaksi dan spekulasi dalam diri dan masyarakat kita. Pelbagai pandangan dan pendapat yang akan diberikan sama ada dalam bentuk pujian mahu pun kritikan akan diterima kepada pasangan yang berkahwin muda ini mahu pun kepada keluarga mereka. Kadang-kala ada yang mendapat persetujuan di antara pihak pasangan serta dipermudahkan dan direstui oleh kedua orang tua. Terkadang ada pula yang sebaliknya. Pelbagai faktor yang menjadi titik tolak kepada perkara seperti ini dan antara faktor yang besar adalah penerimaan masyarakat dan pemahaman agama serta penghayatannya itu sendiri. Mereka yang ingin berkahwin awal haruslah bersedia daripada sudut spiritual, fizikal, emosional dan intelektual untuk mengelakkan masalah yang lebih besar di kemudian hari.

Isu kahwin muda yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini digarap oleh RoZIAH Adama dalam karyanya *Bulan Belum Kelam* melalui watak Mira yang berkahwin dengan Bang Jali di usia muda iaitu pada umur 19 tahun manakala suaminya Jali berusia 40 tahun. Di dalam skrip drama ini, Mira yang bersuamikan Jali yang berusia 40-an itu berasa terkongkong kerana dia tidak dibenarkan untuk bekerja, atau melakukan perkara yang digemarinya. Situasi yang dihadapi oleh Mira ini merupakan antara risiko yang perlu dihadapi oleh mereka yang berkahwin pada usia muda atau mentah.

#### **4.1.8 Budaya Melepak**

Budaya lepak ialah amalan berkumpul tanpa arah tujuan, matlamat, objektif, hala tuju, misi dan visi, biasanya oleh golongan remaja. Mereka memerhati orang ramai yang lalu-lalang di situ, kadang-kadang sambil bermain lagu atau menghisap rokok. Adakalanya mereka mengusik gadis-gadis yang lalu dengan bersiul atau gelak ketawa yang berlebihan dengan keadaan yang tidak menentu. Budaya lepak juga sering dikaitkan dengan kegiatan jenayah.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada budaya melepak ini. Antara faktor yang menyumbang kepada budaya melepak ini ialah sikap ibubapa. Keadaan di rumah, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh media massa dan elektronik. Ada ibubapa yang terlalu mengharap anak-anak dididik sepenuhnya oleh guru-guru di sekolah dan tidak mengambil perhatian yang berat dalam pendidikan anak-anak. Sikap ibubapa yang mementingkan diri sendiri, sering bertengkar, dan berselisih faham menimbulkan ketakutan dan kebosanan di kalangan anak-anak. Selain itu, remaja mudah terpengaruh dengan ajakan rakan-rakan untuk mencuba sesuatu perkara yang baru. Pengaruh media massa dan elektronik juga turut mempengaruhi budaya melepak ini. Rancangan-rancangan televisyen yang dihasilkan dari negara Barat sudah mendominasi hampir separuh daripada slot-slot rancangan televisyen yang disiarkan.

RoZIAH Adama menggarap isu sosial budaya melepak ini melalui watak Jali dan Karim dalam karyanya *Bulan Belum Kelam*. RoZIAH Adama melalui karyanya

menggambarkan Jali dan Karim iaitu suami kepada Mira dan Ti yang gemar melepak di warung dan menghabiskan masa lapang dengan sia-sia. Fenomena ini sangat sinonim dengan masyarakat masa kini yang gemar melepak tidak kira masa. Garapan budaya melepak ini dapat dilihat menerusi dialog berikut:

'Ti (Membetulan selendang): *Kenapa tak kunci pintu? Lupa?*  
*Abang Karim tu demam tapi ada hati melepak di warung Pak*  
*Karimon menengok bola. Entahlah, tak faham kak. '*

(Roziyah Adama, 2013)

Dialog di atas jelas menunjukkan bahawa budaya melepak diamalkan oleh watak dalam karya ini. Budaya melepak ini merupakan perkara sia-sia dan perlu dibendung agar ianya tidak menjadi semakin parah untuk generasi masa kini dan generasi akan datang.

#### **4.1.9 Masyarakat yang Melakukan Perkara yang Dilarang untuk Memenuhi Kehendak**

Masyarakat pada masa kini sanggup melakukan pelbagai perkara untuk memenuhi kehendak diri sendiri. Tidak kiralah sekiranya perkara yang dilakukan itu baik atau buruk, berunsur jenayah ataupun tidak asalkan ianya mampu memenuhi kehendak.

Skrip drama *Bulan Belum Kelam* karya Roziyah Adama menggambarkan masyarakat yang melakukan perkara yang dilarang untuk memenuhi kehendak menerusi watak Ti yang menyangkan segala kemewahan yang diperolehi di hadapan Mira agar Mira setuju untuk mengikutnya kerja di pejabatnya kerana Ti telah pun berjanji dengan bosnya untuk membawa Mira masuk bekerja di syarikatnya. Seterusnya ialah menerusi watak Mira yang mendengar nasihat Ti untuk membunuh Jali kerana ingin bebas dari kongkongan Jali yang dirasakan amat merimaskan itu.

Berdasarkan skrip *Bulan Belum Kelam* ini dapat dilihat bahawa masyarakat yang terdesak untuk memenuhi kehendak sanggup melakukan apa sahaja demi memenuhi kehendak. Perbuatan sebegini haruslah dielakkan dalam masyarakat kerana ianya mampu meruntuhkan akhlak dan memecahbelahkan masyarakat serta menggugat keamanan dan keharmonian dalam sesebuah masyarakat.

## **4.2 Isu Politik**

Kajian ini meneliti isu politik di dalam skrip drama *Bulan Belum Kelam* melalui teori sosiologi. Isu sosiologi yang dikaji dalam aspek isu politik pula adalah golongan orang bawahan yang menurut arahan orang atasan dan desakan orang berkuasa terhadap orang yang tidak mempunyai kuasa.

### **4.2.1 Golongan Orang Bawahan yang Menurut Arahan Orang Atasan**

Sudah menjadi kebiasaan dalam masyarakat apabila golongan orang bawahan seperti pekerja sesebuah kilang atau syarikat perlu mengikut setiap arahan yang telah dikeluarkan oleh orang atasan ataupun pihak pengurusan tertinggi sesebuah syarikat atau kilang.

Skrip drama *Bulan Belum Kelam* juga tidak lari daripada memuatkan unsur seperti itu. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Ti yang perlu membawa Mira ke pejabatnya kerana telah berjanji dengan majikannya. Sekiranya dia tidak membawa Mira ke pejabatnya pastinya reputasinya tercemar dan kedudukan serta jawatan yang disandangkan akan terancam. Hal ini menunjukkan adanya isu politik dalam skrip drama ini.

Isu politik yang digarap dalam skrip drama *Bulan Belum Kelam* ini sedikit sebanyak juga menggambarkan perkara yang berlaku dalam masyarakat pada masa kini. Ada individu yang sanggup menepikan nilai kemanusiaan dan persahabatan hanya kerana ingin mengejar jawatan yang diinginkan dalam sesebuah badan atau birokrasi.

#### **4.2.2 Desakan Orang Berkuasa terhadap Orang yang Tidak Mempunyai Kuasa**

Orang yang tidak memiliki kuasa seringkali tiada kebebasan dalam memiliki apa yang dimiliki oleh orang yang berkuasa. Hal ini menyebabkan orang yang tidak memiliki kuasa ini terpaksa menurut sekiranya diperintah atau didesak untuk melakukan sesuatu walaupun tanpa kerelaan mereka.

Hal ini ditunjukkan dalam skrip drama *Bulan Belum Kelam* menerusi watak Mira yang terpaksa menurut segala arahan Ti dan Bang Jali kerana dia tidak berupaya membantah arahan tersebut kerana Ti lebih tua berbanding dirinya dan sudah dianggap seperti kakaknya. Manakala Bang Jali pula merupakan suaminya. Dilema yang dihadapi oleh Mira sering berlaku dalam masyarakat pada masa kini. Hal ini haruslah diatasi agar masalah penyalahgunaan kuasa dapat dikurangkan dan tidak mudah berleluasa.

#### **4.3 Isu Ekonomi**

Kajian ini meneliti aspek ekonomi yang terdapat dalam Skrip Drama *Bulan Belum Kelam* dengan menggunakan teori sosiologi. Aspek ekonomi dari isu sosiologi dikaji dengan meneliti isu kedaifan tempat tinggal watak dalam skrip drama *Bulan Belum Kelam* dan pekerjaan yang dilakukan oleh watak untuk menampung kehidupan harian.

##### **4.3.1 Kedaifan Tempat Tinggal**

Tempat tinggal dimaksudkan sebagai rumah atau tempat yang didiami dan tempat berlindung daripada hujan, panas dan tempat untuk berehat. Manakala daif pula bermaksud kedaifan keadaan daif, kelemahan kehinaan (<http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=daif>). Kedaifan tempat tinggal biasanya dikaitkan dengan taraf ekonomi yang rendah dalam kalangan masyarakat.

Isu kedaifan tempat tinggal ini dialami oleh watak Mira dan suaminya Jali di mana beliau terpaksa tinggal di Kampung Bulan Kelam yang busuk, hanyir dan dipenuhi dengan sampah serta tiada kemudahan yang lengkap. Hal ini ditunjukkan dalam dialog berikut:

*"Mira: Bang Jali kata kak, antara Kampung Bulan Kelam ni dengan flat Mentari Suram, sama saja kak. Sini sampah, sana pun sampah. Sama-sama busuk, hanyir... entahlah."*

(Roziyah Adama, 2013)

Dialog di atas menunjukkan kedaifan tempat tinggal yang didiami oleh Mira dan suaminya. Kedaifan tempat tinggal menunjukkan taraf ekonomi yang masih lagi rendah dalam kalangan masyarakat. Menurut Marx, berdasarkan teori Marxisme, apabila taraf ekonomi semakin rendah maka kepuasan material tidak dapat dicapai dan sosial masyarakat tidak meningkat menyebabkan masyarakat masih lagi tidak membangun dan maju (R.A. Nisbet, 1967).

##### **4.3.2 Sumber Pendapatan sebagai Buruh**

Setiap manusia yang hidup di atas muka bumi ini pastinya memerlukan makanan dan minuman untuk meneruskan kehidupan. Di dalam dunia yang serba moden dan canggih ini, tiada perkara yang dapat diperolehi secara percuma. Semuanya memerlukan wang dan wang dapat diperolehi dengan melakukan pekerjaan. Berdasarkan skrip drama *Bulan Belum Kelam*, sumber pendapatan yang didapati oleh watak ialah dengan melakukan pekerjaan sebagai buruh. Hal ini dapat dibuktikan melalui dialog berikut:

*Ti: Kau tau tak, Bang Jali dan Bang Karim dah terima bonus, sebab tu kak boleh bergelang emas ni Mira (terkilan): Kerja buruh pun ada bonus? Mira tak tahu pun, tentang duit memang Mira tak tahu. Bang Jali tu....*

(Roziyah Adama, 2013)

Dialog tersebut jelas menunjukkan bahawa punca pendapatan utama Jali dan Karim adalah sebagai buruh. Dengan pekerjaan yang dilakukan oleh mereka dapatlah mereka menampung kehidupan dan memenuhi kehendak serta keperluan diri sendiri dan juga isteri mereka. Pekerjaan yang dilakukan oleh mereka juga dapat membantu ekonomi dan juga dapat mengurangkan masalah pengangguran yang terdapat di negara kita ini.

## 5. Rumusan

Skrip drama *Bulan Belum Kelam* ini memaparkan pelbagai isu dari segi sosial, politik dan ekonomi. Antara isu sosial yang diketengahkan ialah kejujuran dalam masyarakat, kepatuhan isteri kepada suami, kasih sayang, masyarakat yang gemar tunjuk-menunjuk, tolong-menolong, kesyukuran, kahwin awal/kahwin muda, budaya melepak, dan masyarakat yang sanggup melakukan perkara yang dilarang untuk mencapai cita-cita. Manakala isu politik adalah tentang dinamik kuasa antara golongan pemerintah dan diperintah. Sementara itu, isu ekonomi pula menyentuh tentang kedaifan tempat tinggal dan jenis pekerjaan warga pendatang Indonesia di Malaysia. Skrip drama ini mempunyai keunikan yang tersendiri kerana karya ini menengahkan isu lambakan dan pekerjaan imigran yang berlaku di Malaysia. Walaupun watak di dalam skrip drama ini terhad namun ianya dapat menggambarkan isu-isu sosial, politik dan ekonomi yang sering dihadapi oleh golongan pendatang asing tanpa izin dengan baik sekali.

## Rujukan

- Abdul Halim Ali. (1998). *Falsafah Positivisme Auguste Comte*. Selangor. Bintang Printing Sdn.Bhd.
- Adrianna Salam. (2017). *Coretanzone Minggu (Rumahtangga Bahagia Hingga Syurga)*. Riwarna Publication.
- Ali Shahab. (2011). *Biofilia dan Nekrofilia: Analisis Sosiologi Sastra Novel LA BÊTE HUMAINE karya Emile Zola*. Kawistara volume 1 No. 1, 21 April 2011 Halaman 1-102 Universitas Gadjah Mada
- Asiah, S., Faridah, I., & Mazni B. (1996). *Pola Pengamalan Profesionalisme dalam Industri Filem Malaysia*. Ulu Kelang: FINAS.
- David Berry. (1982). *Pokok-Pokok Pemikiran dalam Sosiologi*. Purnama Publications.
- G. Duncan Mitchell. (1982). *Hundred Years of Sociology*. United Kingdom: A division of Transaction Publishers.
- Duncan, M. *Sosiologi Pengkajian Sistem Sosial*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Elbert W. Stewart & James A. Glynn. (1971). *Introduction to Sociology*. United States of America: McGraw-Hill.Inc.
- H.H Gerth & C. Wright Mills. (1970). *From Max Weber: Essays in Sociology*. Britain: Lowe & Brydone (Printers) Ltd
- Halis Azhan Mohd Hanafiah. (2014). *Dinamika Tema Dalam Novel Remaja di Malaysia*. Universiti Putra Malaysia
- Hamzah Hamdani. (1988). *Konsep dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan. A. M. (2012). *Yang Tersurat dan Tersirat di Dalam Filem-filem arahan Mamat Khalid*. Academia.com.
- Ida Nadira Zainuddin. (2017). *Filem 29 Februari: Satu Kajian Teori Sosiologi Sastera*. Universiti Kebangsaan Malaysia



- Juliana Abdul Wahab dan Mahyudin Ahmad. (2009). *Industri Filem dan Sosiologi Masyarakat di Malaysia*. Universiti Sains Malaysia.
- M.Wahid Nur Tualeka. (2017). *Teori Konflik Sosiologi Klasik dan Moden*. Terengganu
- Mana Sikana. (2003). *Koleksi Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pascamoden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Max Weber. (1947). *Theory of Social and Economics Organisations*. United Kingdom: A division of Transaction Publishers.
- Mohd Taib Osman. (2004). *Globalisasi, Patriotisme dan Isu-isu Kemasyarakatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Shukri Hanapi. (2003). *Terjemahan al-Quran dalam pelbagai perspektif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Naim, H., A. (1995). *Filem Sebagai Alat dan Bahan Kajian*. Selangor: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.
- Normaliza Abd. Rahim. (2014). *Filem Zombi Kampung Pisang: Satu Kajian Teori Sosiologi Sastera*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Putri Rahmawati. (2014). *Teori Sosiologi Sastera*.
- R.A. Nisbet. (1967). *The Sociology Tradition*. London: Heinemann Educational Books Ltd.
- Roziyah Adama. (2013). *Bulan Belum Kelam*. Dewan Sastera Mac 2013. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Zakir, S., M. (2010). *Filem dan Pemikiran: Kumpulan Esei Kritikan Filem*. Kuala Lumpur: Nusabuku Enterprise.